

HUMANOTORIAL

ISSN (2600-7533)

APRIL 2025 ISSUE 19

SENI DAN TEKNIK MEMBUAT PELANGGAN BERSEMANGAT UNTUK MEMBELI

**Apabila Pelanggan Bertanya:
"Kenapa Orang Lain Ada Diskaun,
Tapi Anda Tak Ada?"**

**Tiga Cara Menangani
"Pelanggan Yang Asyik Sibuk":
Teknik Komunikasi dan
Pujukan yang Berkesan**

CHARTING UNCHARTED WATERS: THE INSPIRING LEADERSHIP ODYSSEY

**Tiga Strategi Efektif Menjawab
Pelanggan yang Meminta
Harga Lebih Murah**

PERCUMA /
FREE DISTRIBUTION




4




10



15



21



27

NEWS / BERITA

03 Happenings

FEATURES / RENCANA

04 Charting Uncharted Waters: The Inspiring Leadership Odyssey

10 Apabila Pelanggan Bertanya: "Kenapa Orang Lain Ada Diskaun, Tapi Anda Tak Ada?"

15 Seni dan Teknik Membuat Pelanggan Bersemangat untuk Membeli

21 Tiga Strategi Efektif Menjawab Pelanggan yang Meminta Harga Lebih Murah

27 Tiga Cara Menangani "Pelanggan Yang Asyik Sibuk": Teknik Komunikasi dan Pujukan yang Berkesan

GALLERY / GALERI

EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

Editorial Advisors

Dato' Sri Dr. Mohd Nizom Sairi
Datuk Dr. Leow Chee Seng
Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar
Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Hj. Yahya
Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Datuk Juhari Haron
Dato' Che Nazli Jaapar
Dato' Hj. Munir Mohd Nawi
Dato' Dr. Zahari Husin

Datuk Hj. Shamsul Bahari Abd Aziz
Datuk Seri CM Vignaesvaran
Ir. Hj. Omar Mat Piah
Sr. Michael Kong Kok Kee
Azmi Mohamed
Mad Yusof Yazid
Mohd Sori Husain

Editors

Datuk Dr. Leow Chee Seng
Dr. Vincent Leong

Designers

Mohamad Faiz bin Mohamad Nor
Aleeya Natasha binti Mohammad Shahrul

Contributors

Datuk Dr. Leow Chee Seng
Dr. Vincent Leong
Wan Nuradibah binti Wan Hanaffi
Aleeya Natasha binti Mohammad Shahrul
Mr Tang Choon Koon

Published quarterly by

HUMANOLOGY SDN BHD

73-3 Amber Business Plaza, Jalan Jelawat 1, Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

Mobile: +6018-213 6755 Email: info@hba.com.my Website: www.hba.com.my Facebook: www.fb.com/HumanologySB/

HAPPENINGS

JANUARY

January was a dynamic month filled with strategic engagements and meaningful collaborations. Highlights include several courtesy visits to key institutions such as ITC, OUM, JPPM, and KESEDAR, as well as impactful meetings with Abdul Halim (JPK), Dato' Haji Munir, and MIDA for the Transformation Project. A special moment was the luncheon with YBr. Tuan Haji Dickson bin Dollah, Director General of Jabatan Laut Malaysia, further strengthening ties with national agencies.

FEBUARY

February focused on empowering communication and building strategic networks. The month featured the impactful program "Mastering Negotiation Through Body Language and Behavioural Secrets," aimed at enhancing participants' persuasive skills. A courtesy visit to the National Blood Centre strengthened collaboration in public health initiatives, while the Skills and Communication Course provided essential training to boost interpersonal and professional communication competencies.

MARCH

March was a month of strategic connections and meaningful moments. Courtesy visits to Agro Bank and Informal Atom opened doors for future collaborations. Productive meetings were held with Datuk Seri Azhar and the CEO of InvestKL, focusing on potential growth and partnership opportunities. The month concluded with Humanology Sdn Bhd's Iftar Gathering, fostering unity and appreciation among colleagues during the blessed month of Ramadan.



Charting Uncharted Waters: The Inspiring Leadership Odyssey

**Special Interview with
Capt (R) Jeffry Faisal RMN,
CEO BHIC Submarine Engineering
Services Sdn. Bhd.**

Leadership transcends hierarchy and titles, embodying the ability to inspire, adapt, and foster growth in ever-changing landscapes.

Capt (R) Jeffry Faisal RMN, with his extraordinary journey from serving as a naval engineering officer in the Royal Malaysian Navy to leading BHIC Submarine Engineering Services Sdn. Bhd. (BSES) as its Chief Executive Officer, epitomizes a profound understanding of leadership.

His life and philosophy showcase the transformational power of adaptability, accountability, and a commitment to nurturing talent.

From the outset, Capt Jeffry's career was a study in precision, meticulousness and discipline.

His 31 years in the Royal Malaysian Navy afforded him invaluable experiences in an environment where errors or carelessness could mean life or death.

As a naval engineer managing submarine maintenance, he learned to combine technical knowledge and expertise with the highest standards of work ethics, discipline and accountability.

Transitioning to the corporate world in 2013, he brought these values into an industry that required a blend of operational efficiency, business viability and human-centric leadership.

The Early Foundations of Leadership

For Capt Jeffry, leadership is not a role simply assumed but an ethos cultivated through continuous training, learning and experience.

His military career, steeped in rigorous training and discipline, gave him a unique perspective on accountability, attention to details and precision.

Working with submarines demanded unwavering focus, flawless execution and a culture of trust.

Mistakes were not punished but analyzed, discussed and root causes identified and mitigated and transparency became a vital tool for sustainable and continuous improvement.

Upon stepping into the role of CEO at BHIC Submarine Engineering Services, he faced an entirely new challenge: adapting the principles of naval leadership and regimentation to a corporate context.

The transition wasn't straightforward. Military leadership and command structure is based and dependent on hierarchy and discipline, whereas corporate environments often require flexibility and collaborative decision-making.

However, Capt Jeffry's vision was clear he aimed to create a corporate culture grounded in inclusivity, accountability, precision, and continuous improvement.

One of his early initiatives was implementing the "submarine culture" at BSES. This philosophy, borrowed from his naval submarine experience, focused on getting things right the first time - everytime, accountability at every single process stage, focus and unwavering attention to details.

Mistakes were seen not as failures but as opportunities for improvement, provided they were owned up to, addressed transparently and mitigated effectively. This approach not only enhanced operational efficiency and effectiveness but also fostered an environment of trust and open communication.

Bridging the Leadership Gap

A recurring theme in Captain Jeffry's discourse is the pressing issue of leadership gaps, particularly among younger professionals.

He believes this problem stems from systemic flaws in Malaysia's education system, which prioritizes rote memorization over critical thinking. According to him, this approach not only stifles creativity and problem-solving, leaving graduates unprepared for the complexities of leadership but also indirectly ingrains into them a subservient and "follower" mindset.

"Our education system spoon-feeds students," Capt Jeffry reflects. "This leaves them ill-equipped to analyze situations critically, challenge status quo, explore alternatives, think outside the box all which are necessary in making informed decisions."

This gap becomes particularly evident when young professionals ascend into leadership roles.

Lacking decision-making skills and a sense of accountability, they often hesitate to take bold actions, fearing failure or admonition by superiors.

To address these shortcomings, Captain Jeffry advocates for a return to experiential learning, where practical exposure complements theoretical knowledge.

He recalls a time when Malaysia's industrial-sponsored Masters programs successfully bridged the gap between academia and industry by tailoring curricula to real-world demands.

These programs, whose syllabi are structured by the major industrial players in the country and which paired students with mentors from leading organizations, were instrumental in producing leaders who understood both theory and practice.

The Protégé Problem

While government initiatives such as the protégé and SLIM programs aim to groom young talent, Capt Jeffry critiques these efforts for their lack of structure and clear objectives.

Industries are often expected to absorb trainees without receiving adequate resources or guidance on how to mentor them effectively. As a result, many protégés are relegated to menial tasks like photocopying or organizing files, gaining little practical experience.

Capt Jeffry recalls a particular instance where a protégé assigned to his team struggled to adapt due to unclear expectations. Recognizing this, he personally intervened, pairing the trainee with an experienced mentor and assigning them a project of meaningful responsibility.

By the end of their tenure, the protégé had gained critical skills and confidence, eventually securing a full-time role within the organization.

To improve the effectiveness of such programs, Capt Jeffry suggests that government agencies collaborate more closely with industries to define measurable goals and ensure both mentors and trainees are adequately prepared. This structured approach, he believes, could significantly enhance the value of these initiatives.

The Crisis of the Missing Middle

Another critical challenge Capt Jeffry identifies is the absence of a robust middle management layer, a phenomenon he calls the “missing middle.” This gap forces senior leaders to engage in day-to-day operations, diverting their focus from strategic decision-making and be seen to be micromanaging.

Capt Jeffry attributes this issue to three main factors: talent migration, stagnant career progression, and misaligned hiring practices. Talented professionals often leave Malaysia for better opportunities abroad, while those who remain are frequently overlooked for promotions in favor of external hires.

To address this, Capt Jeffry implemented a comprehensive succession planning framework at BSES.

Every critical role within the organization is paired with a designated “shadow successor,” ensuring continuity and creating opportunities for internal growth.

“Succession planning is not just about filling roles; it’s about preparing and grooming people to step into them confidently,” he explains.

This strategy has not only stabilized BSES leadership pipeline but also boosted employee morale by providing clear career pathways and equal opportunities for career progression.

The Submarine Culture in Practice

A hallmark of Capt Jeffry’s leadership style is his unwavering commitment to fostering accountability and precision within his team. The “submarine culture” he introduced at BSES is not merely a set of principles but a way of life.

In one notable case, a team error during a high-stakes project led to a potential penalty that threatened to result in significant loss for the company.

Instead of reprimanding the individuals involved, Capt Jeffry convened a team-wide workshop to dissect the issue, identify its root cause and brainstorm possible mitigation measures. The outcome was transformative: not only was the error resolved, but the team also implemented new protocols to prevent similar issues in the future.

A hallmark of Capt Jeffry’s leadership style is his unwavering commitment to fostering accountability and precision within his team. The “submarine culture” he introduced at BSES is not merely a set of principles but a way of life.

In one notable case, a team error during a high-stakes project led to a potential penalty that threatened to result in significant loss for the company. Instead of reprimanding the individuals involved, Capt Jeffry convened a team-wide workshop to dissect the issue, identify its root cause and brainstorm possible mitigation measures.

The outcome was transformative: not only was the error resolved, but the team also implemented new protocols to prevent similar issues in the future.

“This culture isn’t about avoiding mistakes,” asserts. “It’s about learning from them and continuously striving for excellence.”

To inculcate the submarine culture Capt Jeffry also reminds his staff to always think 3 steps ahead as in chess play and he muses in a lighter vein that perhaps we should incorporate chess playing as a compulsory activity in submarine training.

Crisis Management: Leadership Under Pressure

In high-stakes industries like submarine maintenance and engineering, crisis management is not optional it is a core competency.

Capt Jeffry believes that effective crisis management requires a combination of knowledge, experience, and the ability to remain calm under pressure.

During a financial crisis in 2019, when a major client delayed payments, BSES faced the prospect of layoffs, operational disruptions and subsequent closure.

Under Capt Jeffry’s leadership, the company swiftly implemented cost-saving measures, closed ranks, forged strategic partnerships with sub-contractors and aggressively pursued new contracts with other clients.

The crisis was resolved not only without job losses but in fact propelled BSES to new heights by winning new and significantly higher value contracts, showcasing his ability to lead decisively in extremely challenging circumstances and turning a near disaster into an incredible success story despite the seemingly insurmountable odds.

To prepare his team for such scenarios, Capt Jeffry incorporates crisis simulations into regular training sessions.

These exercises not only build resilience but also instill a sense of preparedness across all levels of the organization. Team leaders are continuously drilled to hone their ability to think on their feet and work under pressure.

Succession Planning for Sustained Growth

One of Capt Jeffry’s most impactful contributions to BSES has been his approach to succession planning. Unlike conventional programs that risk alienating employees, his strategy is organic and inclusive. High-potential individuals are quietly identified and nurtured and groomed through targeted training and mentorship.

This approach was evident in the promotion of several technicians who, under Capt Jeffry’s guidance, rose to managerial roles. By providing regular feedback and opportunities for professional development, he ensured that the individuals were well-prepared for their new responsibilities.

Conclusion: A Blueprint for Modern Leadership

Capt Jeffry Faisal’s leadership journey offers invaluable lessons for navigating the complexities of modern organizational challenges. By blending the discipline of his naval background with innovative corporate strategies, he has created a leadership model that prioritizes growth, accountability, and resilience.

He has strived to create a conducive environment that promotes and nurtures intelligent discourse, divergent thinking, creativity, flexibility and not only allows but encourages challenges and alternative views – while at the same time instilling clear guidelines on discipline, governance and accountability.

Through initiatives like the submarine culture, experiential learning programs, and strategic succession planning, he has transformed BSES into a thriving organization poised for sustained success.

His story reminds us that true leadership is about guiding and empowering others, fostering trust, and continuously striving for excellence while achieving organisational goals.

As industries evolve, the need for adaptable, forward-thinking leaders like Capt Jeffry becomes increasingly apparent.

His philosophy and approach serve as a guiding light for those aspiring to lead with integrity and purpose in an ever-changing world.



AUDITING THE 1MDB

- MY STORY

AMBRIN BUANG



Apabila Pelanggan Bertanya: "Kenapa Orang Lain Ada Diskaun, Tapi Anda Tak Ada?"

Pernahkah anda berdepan dengan pelanggan yang bertanya, "Kenapa orang lain ada diskaun, tapi anda tak ada?"

Dalam situasi seperti ini, sebagai seorang jurujual, memberi jawapan seperti "Ini adalah polisi syarikat" atau "Produk kami memang tak ada diskaun" jelas tidak akan memenangi hati pelanggan.

Malah, pelanggan mungkin akan merasa anda kurang memahami keperluan mereka. Pada ketika ini, cara anda menjawab bukan sahaja perlu logik, tetapi juga mesti memberikan kesan yang baik kepada pelanggan, supaya mereka merasa dihargai dan melihat keikhlasan serta profesionalisme anda.

Jadi, bagaimana kita boleh memberikan respon yang bijak dan halus, supaya pelanggan merasa difahami dan jualan dapat diteruskan dengan baik?

Hari ini, saya akan kongsi tiga strategi efektif untuk membantu anda menangani situasi ini dengan lancar, membolehkan pelanggan menerima bahawa produk anda tidak ada diskaun, malah menambah keyakinan mereka terhadap jenama anda.

Analisis Terhadap Respon yang Salah

Sebelum kita melihat strategi yang betul, mari kita lihat beberapa cara respon yang salah yang sering digunakan oleh jurujual dalam situasi ini:

Respon Salah 1: Menjawab Secara Kasar Bahawa Tiada Diskaun

Beberapa jurujual mungkin secara langsung menjawab, "Produk jenama kami memang jarang ada diskaun."

Jawapan ini, walaupun tepat, kedengaran agak kasar dan kurang mengambil kira perasaan pelanggan.

Pelanggan mungkin merasa bahawa anda tidak berusaha untuk memahami kebimbangan mereka, sekali gus menjejaskan pengalaman mereka berurusan dengan anda.



Respon Salah 2: Menyalahkan Polisi Syarikat

Cara lain yang sering digunakan oleh jurujual adalah dengan berkata, "Ini polisi syarikat, produk tak boleh ada diskaun."

Ini bukan sahaja membuatkan anda kelihatan terlalu formal dan tidak fleksibel, tetapi juga membuat pelanggan beranggapan bahawa anda dan syarikat anda tidak berusaha untuk mencari penyelesaian yang lebih baik.



Respon Salah 3: Meremehkan Kemampuan Kewangan Pelanggan

Ada juga jurujual yang secara tidak sengaja meremehkan pelanggan dengan berkata, "Anda ini orang berstatus tinggi, kenapa ambil kisah tentang diskaun kecil ini?"

Respon sebegini boleh menyebabkan pelanggan rasa terhina. Setiap orang, tidak kira statusnya, pasti ingin merasakan bahawa wang mereka dihargai.

Respon Salah 4: Mencadangkan Alternatif yang Lebih Murah

Dalam usaha mengelak dari membincangkan isu diskaun, sesetengah jurujual akan segera mencadangkan pelanggan memilih produk yang lebih murah.

Sebagai contoh, "Apa kata tengok produk ini, harganya lebih murah." Ini mungkin membuat pelanggan merasa tidak dihormati atau merasa anda cuba menurunkan taraf pembelian mereka.

Oleh kerana respon-respon di atas berpotensi untuk memburukkan hubungan dengan pelanggan, adalah penting untuk kita mengamalkan pendekatan yang lebih bijaksana dan berkesan.

Tiga Strategi Respon yang Betul

Strategi 1: Analisis Perbandingan Pasaran

Apabila pelanggan bertanya, "Kenapa anda tidak ada diskaun sedangkan orang lain ada?", anda boleh mengambil pendekatan untuk memberikan mereka sedikit pandangan tentang bagaimana pasaran berfungsi. Anda boleh menjawab begini:

"Tuan, saya faham pandangan anda. Memang sekarang banyak syarikat cuba menarik pelanggan dengan menawarkan diskaun besar-besaran.

Tetapi, tuan mungkin perasan, kebanyakan produk yang ada diskaun besar ini selalunya sudah dinaikkan harganya sebelum diskaun.

Contohnya, ketika promosi '11.11', ramai peniaga menaikkan harga beberapa minggu sebelum promosi, dan pada hari itu mereka nampaknya memberikan diskaun besar, padahal harga sebenar tak banyak berubah."

Seterusnya, anda boleh menambah: "Syarikat kami sentiasa mementingkan kualiti produk dan hubungan jangka panjang dengan pelanggan.

Harga kami sentiasa konsisten dan tidak berubah-ubah, supaya pelanggan tak perlu bimbang sama ada mereka beli pada harga yang terbaik.

Anda boleh beli bila-bila masa dengan keyakinan bahawa harga kami sentiasa adil."

Dengan cara ini, anda bukan sahaja memberi pelanggan gambaran yang jelas mengenai perbezaan strategi harga, tetapi juga menonjolkan nilai jenama anda yang berpegang kepada integriti dan kualiti.

Ini akan membantu membezakan jenama anda daripada peniaga lain yang menggunakan taktik diskaun, dan dapat meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap produk anda.

Contoh Praktikal:

Suatu hari, seorang pelanggan melangkah ke sebuah kedai elektronik mewah dan bertanya, “Kenapa headphone di sini tak ada diskaun? Kedai sebelah bagi diskaun 20%.”

Jurujual tersebut tidak serta-merta membela harga yang lebih tinggi, sebaliknya berkata dengan senyuman: “Tuan, tuan memang sangat teliti.

Ramai peniaga semasa promosi akan menaikkan harga sebelum memberi diskaun, jadi walaupun nampak macam ada potongan, sebenarnya harga tak jauh beza.

Di sini, kami jaga harga tetap supaya pelanggan boleh beli dengan yakin tanpa bimbang kenaikan tersembunyi.” Pelanggan mendapati penjelasan ini masuk akal, dan akhirnya memilih untuk membeli di kedai tersebut.



Strategi 2: Cerita Inspirasi Berdasarkan Pengalaman

Selain memberi penjelasan tentang pasaran, satu lagi pendekatan berkesan adalah dengan berkongsi kisah sebenar tentang pengalaman pelanggan lain yang telah menghadapi masalah dengan produk yang mempunyai diskaun besar.

Contohnya, anda boleh berkata:

“Saya ingat seorang pelanggan pernah membeli produk dari jenama lain yang ketika itu sedang menawarkan diskaun besar. Beliau jimat beberapa ratus ringgit, tetapi dalam masa sebulan, produk itu rosak.

Servis selepas jualan juga tak memuaskan, dan akhirnya beliau terpaksa menunggu lama untuk dapatkan wangnya kembali.

Akhirnya, beliau kembali kepada kami dan memilih produk yang tidak ada diskaun tetapi tahan lama. Sejak itu, beliau sangat berpuas hati dan tak pernah ada masalah.”

Dengan cerita sebegini, anda bukan sahaja menunjukkan bahawa diskaun besar tidak selalu berbaloi, tetapi juga menekankan kualiti produk anda dan perkhidmatan selepas jualan yang boleh diharapkan.

Contoh Praktikal:

Seorang pelanggan datang ke sebuah kedai perabot dan berkata, “Kenapa sofa di sini lebih mahal berbanding kedai lain? Mereka ada diskaun.”

Jurujual tidak segera membincangkan soal harga, tetapi berkongsi kisah: “Kami pernah ada pelanggan yang juga memilih untuk beli sofa dengan diskaun di tempat lain. Tapi, selepas beberapa bulan, sofa itu mula kendur dan rosak. Akhirnya, beliau kembali ke sini dan memilih produk kami.

Beliau sekarang sangat berpuas hati dengan kualiti dan keselesaan yang tahan lama.” Cerita ini meyakinkan pelanggan tentang kualiti dan ketahanan produk, dan akhirnya pelanggan tersebut setuju untuk membeli tanpa diskaun.

Strategi 3: Membangun Hubungan Jangka Panjang

Strategi ketiga adalah dengan menekankan bahawa anda bukan hanya ingin menjual produk sekali sahaja.

Tetapi ingin membina hubungan jangka panjang dengan pelanggan. Anda boleh berkata:

“Tuan, sebenarnya kami sangat menghargai hubungan jangka panjang dengan pelanggan kami.

Walaupun hari ini tidak ada diskaun, kami sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan dan kualiti terbaik.

Sekiranya ada apa-apa yang anda perlukan selepas pembelian, kami sentiasa di sini untuk membantu.

Jadi, tuan boleh membeli dengan yakin, tahu bahawa kami akan sentiasa bersama anda dalam jangka panjang.”

Pendekatan ini membolehkan pelanggan merasa bahawa mereka bukan sekadar nombor, tetapi bahawa anda benar-benar peduli terhadap keperluan dan kepuasan mereka dalam jangka masa panjang.

Kesimpulan: Tiada Diskaun, Lebih Banyak Keyakinan

Apabila pelanggan bertanya, “Kenapa anda tak ada diskaun?”, sebagai jurujual, kita harus mengelakkan jawapan yang terlalu formal atau mekanikal.

Sebaliknya, kita harus menggunakan analisis yang bijak, cerita yang relevan, dan menunjukkan keikhlasan dalam membina hubungan jangka panjang.


Ini bukan sahaja membantu pelanggan memahami mengapa tiada diskaun, tetapi juga meningkatkan keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap jenama kita.

Ingatlah, jualan bukan sekadar tentang menjual produk, tetapi membina hubungan, menyampaikan nilai, dan memastikan pelanggan berasa dihargai.

Dengan strategi-strategi ini, anda akan dapat mengendalikan situasi jualan dengan lebih baik dan mencapai hasil yang positif.



**PRE ORDER
NOW**



SCAN HERE TO ORDER



Seni dan Teknik Membuat Pelanggan Bersemangat untuk Membeli

Dalam proses jualan, keraguan, penangguhan, atau pelanggan yang terus memberikan bantahan adalah fenomena yang sangat biasa.

Banyak jurujual sering merasa keliru atau tertekan pada saat-saat kritikal seperti ini, tidak tahu bagaimana untuk meneruskan perbualan dan memastikan transaksi berjaya.

Sebenarnya, apa yang disebut sebagai "memaksa jualan" bukanlah mengenai memaksa pelanggan membuat keputusan, tetapi melalui komunikasi dan bimbingan yang bijak, mencipta keadaan di mana pelanggan tidak dapat menolak dan akhirnya membuat keputusan pembelian secara semula jadi.

Dalam artikel ini, saya akan memperkenalkan lima strategi jualan yang berkesan, dilengkapi dengan contoh-contoh praktikal, untuk membantu anda menghadapi pelanggan yang ragu-ragu, serta memastikan mereka membeli.

Strategi Pertama: Kaedah Soal Balas

Kaedah soal balas adalah satu teknik di mana tekanan dipindahkan secara halus kepada pelanggan, dengan tujuan untuk mendapatkan komitmen mereka.

Teknik ini berkesan kerana ia membantu jurujual menyoal semula keperluan dan harapan pelanggan, sambimendorong mereka untuk memberikan penyelesaian sendiri.

Sering kali, pelanggan akan membangkitkan bantahan seperti "Bolehkah lebih murah?" atau "Bolehkah perkhidmatan lebih fleksibel?" Jika anda hanya menjawab secara langsung, ia akan membawa anda kepada situasi yang tidak menguntungkan, di mana pelanggan terus memberikan lebih banyak soalan.

Sebaliknya, kaedah soal balas ini mengarahkan soalan kembali kepada pelanggan, dan mendapatkan komitmen secara berperingkat.



Contoh Praktikal:

Seorang jurujual sedang mempromosikan peralatan rumah pintar, dan pelanggan bertanya sama ada boleh diberi diskaun.

Jurujual itu tidak segera menjawab sama ada boleh memberi diskaun, sebaliknya dia menyoal semula:

"Jika kami boleh memberi sedikit diskaun, adakah anda akan membuat keputusan untuk membeli sekarang?"

Soalan ini bukan sahaja mengurangkan tekanan harga, tetapi juga mengarahkan pelanggan untuk membuat komitmen awal.

Selepas pelanggan mengangguk bersetuju, jurujual itu menambah: "Walaupun diskaun ini sangat terhad, saya akan cuba memohon harga istimewa daripada syarikat untuk anda.

Jika saya berjaya, adakah anda akan membeli hari ini?" Pelanggan yang berasa dihargai dengan harga istimewa akhirnya membuat keputusan untuk membeli.

Kaedah soal balas ini berkesan kerana ia mengarahkan perhatian pelanggan daripada harga kepada keputusan membeli, sekaligus mengurangkan bantahan secara berperingkat dan memudahkan transaksi.

Strategi Kedua: Kaedah Aktiviti Promosi

Promosi terhad, stok terhad, dan diskaun eksklusif adalah alat yang sangat berkesan untuk mendorong pelanggan membuat keputusan segera.

Kaedah aktiviti promosi mencipta rasa mendesak dan kelangkaan, menjadikan pelanggan merasakan bahawa jika mereka tidak bertindak segera, mereka mungkin akan kehilangan peluang yang penting.

Strategi ini amat berkesan terutamanya ketika berhadapan dengan pelanggan yang ragu-ragu.

Dengan menggunakan aktiviti promosi terhad masa, harga eksklusif, dan stok terhad, jurujual boleh dengan cepat membangkitkan keinginan membeli dalam pelanggan, menjadikan mereka lebih cenderung untuk membuat keputusan pembelian.

**Contoh Praktikal:**

Sebuah kedai perabot mewah mengadakan promosi terhad untuk satu hari sahaja, di mana sofa terpilih diberi diskaun 50%.

Seorang pelanggan berminat dengan salah satu sofa tersebut, tetapi masih ragu-ragu, mengatakan ingin mempertimbangkan lagi.

Jurujual menggunakan peluang ini untuk mengingatkan: "Sofa ini hanya ada promosi hari ini. Jika esok datang semula, harganya akan kembali ke asal, dan anda mungkin terpaksa membayar beberapa ribu ringgit lebih mahal."

Pelanggan yang merasakan tekanan masa dan tidak mahu terlepas peluang akhirnya membuat keputusan untuk membeli pada hari tersebut.

Promosi terhad masa dan stok terhad bukan sahaja boleh membangkitkan keinginan membeli dalam pelanggan, tetapi juga membuat mereka lebih menghargai peluang tersebut, mempercepatkan keputusan mereka untuk membeli.

Strategi Ketiga: Kaedah Pengambilan Keputusan Terpimpin

Ramai pelanggan sering merasa sukar untuk membuat keputusan, terutamanya apabila mereka kurang pengetahuan tentang produk atau mempunyai terlalu banyak pilihan.

Kaedah pengambilan keputusan terpimpin adalah teknik di mana jurujual membantu pelanggan membuat keputusan berdasarkan kepercayaan dan nasihat profesional yang telah dibina sepanjang perbualan.

Kunci strategi ini adalah untuk menubuhkan hubungan kepercayaan dengan pelanggan, kemudian menggunakan nasihat profesional untuk memacu mereka membuat keputusan dengan lebih cepat.



Contoh Praktikal:

Seorang jurujual kereta sedang berurusan dengan seorang pelanggan yang sentiasa teragak-agak. Pelanggan tersebut tidak dapat memutuskan untuk membeli kereta hibrid atau tidak.

Selepas beberapa sesi komunikasi, jurujual telah membina hubungan kepercayaan yang baik dengan pelanggan, lalu berkata: "Encik Ali, saya faham anda ragu-ragu kerana memikirkan masa depan.

Saya boleh katakan, dengan peraturan alam sekitar yang semakin ketat, kereta hibrid akan menjadi pilihan utama di pasaran.

Jika anda tunggu lebih lama, bukan sahaja kosnya mungkin meningkat, anda mungkin juga kehilangan insentif yang ada sekarang.



Saya rasa ini adalah masa terbaik untuk membuat keputusan." Dengan nasihat profesional ini, pelanggan akhirnya memutuskan untuk membeli kereta tersebut.

Kaedah ini sesuai untuk pelanggan yang teragak-agak atau terlalu berhati-hati. Dengan menunjukkan kepakaran anda dan menawarkan nasihat yang boleh dipercayai, pelanggan akan berasa lebih yakin dan lebih mudah membuat keputusan.

Strategi Keempat: Kaedah Pendorongan Pesaing

Dalam dunia perniagaan, ketakutan untuk ketinggalan berbanding pesaing sering menjadi pendorong kuat untuk mengambil tindakan.

Kaedah pendorongan pesaing menggunakan contoh kejayaan atau tindakan pesaing pelanggan untuk mendorong mereka segera bertindak.

Jurujual boleh menunjukkan bagaimana pesaing telah membuat perubahan positif dan berjaya, yang akhirnya membuat pelanggan merasa perlu melakukan perkara yang sama supaya tidak ketinggalan.

Contoh Praktikal:

Sebuah syarikat perisian sedang berusaha menjual sistem pengurusan pintar kepada sebuah kilang.

